

**PEMUPUKAN KREATIVITI KANAK-KANAK: KAJIAN KES AMALAN
PENGAJARAN KREATIVITI DI SEBUAH TADIKA ISLAM**
(Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity
in an Islamic Kindergarten)

* Safiek Mokhlis¹

¹Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author's email: safiek@umt.edu.my

Article History:

Submit: 18 January 2019

Accepted: 8 May 2019

Revised: 11 June 2019

Published: 30 June 2019

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 3, No. 1 (2019), 34-48

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran kreativiti bagi memupuk perkembangan kreativiti kanak-kanak. Kerangka konseptual kajian ini adalah berasaskan model pengajaran berkesan Slavin (1995). Kajian ini merupakan satu kajian kes yang melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual terhadap seorang guru prasekolah di sebuah tadika Islam yang berpengalaman mengajar lebih dari 20 tahun. Analisis kerangka digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kreativiti boleh dipupuk dan ditingkatkan melalui amalan pengajaran yang berkesan. Empat elemen model pengajaran yang dikemukakan oleh Slavin (1995), iaitu kualiti pengajaran, tahap pengajaran yang bersesuaian, insentif dan masa, menyumbang kepada penajanaan kreativiti kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Pengajaran Berkesan, Kreativiti, Tadika, Kanak-kanak, Guru Prasekolah

Abstract

The aim of this study is to explore the practice of teaching for creativity in cultivating creativity among young children. The conceptual framework of this study is based on Slavin's (1995) model of effective teaching. This case study involves a classroom observation and an interview of a preschool teacher from a selected Islamic kindergarten who has more than twenty years of teaching experience. Framework analysis was used to analyse the data. Findings from this study indicate that creativity can be nurtured and enhanced through effective teaching practices. The four elements of effective teaching model put forward by Slavin (1995) which are quality of instruction, appropriate levels of instruction, incentive, and time, contributes to the to the generation of creativity among children during the process of teaching and learning.

Keywords: *Effective Teaching, Creativity, Kindergarten, Children, Preschool Teacher*

1.0 PENGENALAN

Pelbagai inovasi dalam bidang kurikulum telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia supaya pendidikan prasekolah dapat berubah selari dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat sama ada di dalam atau di luar negara. Antara inovasi dalam bidang kurikulum yang telah dijalankan adalah penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang merupakan satu strategi untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan menekankan unsur kreativiti dan inovasi. KSPK digubal bertujuan untuk memupuk potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu dari segi pembangunan minda dan kreativiti, pemupukan dan amalan nilai yang berteraskan agama dan moral, pengukuhan dan kestabilan emosi serta penyuburan fizikal. Aspek-aspek ini perlu diterapkan sebagai persediaan untuk kanak-kanak hidup bermasyarakat dan menghadapi pendidikan formal sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Guru prasekolah sebagai pelaksana kurikulum memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha memupuk dan merangsang kreativiti dalam kalangan kanak-kanak. Kreativiti dan inovasi amat dituntut untuk melahirkan generasi murid berfikir kelas pertama yang mampu bersaing dalam persekitaran abad ke-21. Oleh itu, usaha bagi menggalakkan kanak-kanak berfikir secara kreatif mestilah dimulakan di peringkat prasekolah kerana inilah masa yang paling sesuai untuk menyediakan asas bagi pelaksanaan pendidikan seterusnya. Daya kreativiti dan inovasi kanak-kanak perlu dipupuk dan

dibangunkan ke paras optimum agar mereka sedar tentang potensi dan kecenderungan diri, seterusnya dapat mencungkil bakat yang ada dalam diri, berdaya cipta dan berkemampuan menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti agar menjadi amalan dan budaya dalam kehidupan pada masa hadapan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Pemupukan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sebahagian besarnya bergantung kepada amalan pengajaran guru dalam pendidikan kreativiti seperti autonomi tugas, tindak balas penilaian dan penghargaan (Chein & Hui, 2010). Justeru, pemupukan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak menuntut kesungguhan dan komitmen yang tinggi daripada guru. Namun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa guru lebih suka kepada murid yang mempunyai ciri-ciri yang tidak kreatif seperti kepatuhan dan penerimaan yang tidak berbelah bahagi terhadap guru, dan mengenakan denda kepada kanak-kanak dengan tujuan untuk mengawal disiplin kelas (Norsita & Zainal, 2014; Beghetto & Kaufman, 2011). Kajian Jingbo dan Elicker (2005) menunjukkan bahawa guru memberikan respon yang negatif dalam 80 peratus kejadian yang diperhatikan apabila kanak-kanak melahirkan idea mereka sendiri. Manakala hasil kajian Al-Thani (2010) pula menunjukkan guru-guru prasekolah tidak menggabungkan kemahiran pemikiran kreatif dalam pengajaran mereka. Kelemahan dalam aspek amalan pengajaran boleh mempengaruhi perkembangan sosial, kognitif dan perkembangan kreativiti kanak-kanak, seterusnya akan menentukan kesediaan mereka untuk ke sekolah (Bierman, Domitrovich & Darling, 2009).

Kelemahan pemupukan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak kecil ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak khususnya para pentadbir dan guru prasekolah. Isu ini amat membimbangkan dan sekiranya perkara ini berlarutan akan memberikan kesan ke atas amalan kreativiti masyarakat, seterusnya akan turut menghalang negara mencapai status sebuah negara maju. Isu ini memerlukan pemahaman yang lebih mendalam dengan memfokuskan kepada amalan pengajaran guru prasekolah. Tambahan pula, amat sedikit kajian berkaitan dengan amalan pengajaran guru dan hubungannya dengan kreativiti kanak-kanak di peringkat prasekolah. Berdasarkan kepada kekurangan pengetahuan fenomena ini, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka bagaimana kreativiti kanak-kanak dipupuk melalui amalan pengajaran guru prasekolah. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah penambahbaikan kualiti pedagogi guru prasekolah dan seterusnya merangsang perkembangan kreativiti kanak-kanak.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya ingin meneroka amalan pengajaran guru prasekolah dalam memupuk kreativiti kanak-kanak. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

- a) Menghuraikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak.
- b) Menjelaskan pendekatan dan kaedah digunakan oleh guru prasekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran kreativiti mengikut tahap kebolehan dan keupayaan pembelajaran kanak-kanak.
- c) Mengenal pasti bentuk insentif yang digunakan oleh guru prasekolah untuk memotivasikan kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran kreativiti.
- d) Menghuraikan bagaimana guru prasekolah menggunakan waktu pengajaran dan pembelajaran yang diperuntukkan untuk memupuk kreativiti kanak-kanak.

1.2 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada guru dan pentadbir tadika tentang amalan pengajaran yang sesuai diamalkan di tadika dalam usaha membudayakan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu guru-guru merancang aktiviti pengajaran yang kreatif dan inovatif bagi menarik minat kanak-kanak belajar dengan seronok di dalam bilik darjah. Maklum balas kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada semua pihak, terutamanya tadika yang dikaji dan tadika-tadika lain di negara ini dalam merancang dan memantapkan program-program yang berkaitan dengan pembelajaran kreativiti dengan mengambil kira pelbagai keperluan dan minat kanak-kanak. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh guru dan seterusnya berusaha memikirkan cara-cara yang terbaik dari segi strategi, kaedah dan teknik pengajaran serta bahan bantu mengajar yang boleh dimanfaatkan kepada kanak-kanak.

1.3 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian adalah berdasarkan model pengajaran berkesan oleh Slavin (1995) dan maklumat daripada pengkaji lepas yang memfokuskan kepada amalan pengajaran guru prasekolah dari aspek kualiti

pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan peruntukan waktu (Amirafiza Zaitun, Muhammad Faizal, & Faisal, 2016).

Slavin (1995) mentakrifkan kualiti pengajaran sebagai keupayaan guru dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran dan konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh murid, mudah diingat dan menyeronokkan. Dari segi aras pengajaran, guru perlu mengikut kebolehan dan keupayaan murid. Jika aras pengajaran rendah, murid yang bijak akan cepat berasa bosan dengan pengajaran guru, sebaliknya jika aras pengajaran guru tinggi, murid lemah tidak dapat mengikuti isi pelajaran yang disampaikan. Ini bermakna amalan pengajaran guru perlu berdasarkan kebolehan dan kemampuan murid. Insentif pula bermaksud guru perlu mampu memberikan motivasi kepada murid untuk terus belajar dan menyiapkan kerja yang diberikan. Slavin (1995) mengemukakan dua cara untuk meningkatkan motivasi agar murid berupaya mengekalkan minatnya untuk belajar. Pertama, guru perlu menyediakan pengajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan dengan menyediakan pelbagai alat bantu mengajar. Kedua, guru boleh memberi pujian atau ganjaran apabila murid telah berjaya mencapai objektif pembelajaran yang diharapkan. Aspek peruntukan waktu yang dirujuk oleh Slavin (1995) ialah masa pembelajaran dan pengajaran yang mencukupi bagi murid menguasai sesuatu konsep dan kemahiran. Masa pengajaran guru dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu masa yang diperuntukkan oleh pihak sekolah kepada guru untuk mengajar suatu mata pelajaran dan masa tugas iaitu masa yang guru gunakan untuk mengajar dan masa yang murid gunakan untuk menguasai kemahiran dan konsep (Amirafiza Zaitun et al. 2016).

2.0 KAJIAN LITERATUR

Para sarjana menjelaskan kreativiti sebagai satu siri dimensi atau sifat-sifat keupayaan individu untuk menghasilkan idea yang berharga, tugas baru dan boleh dilaksanakan, keunikan bakat atau penggunaan imaginasi yang lazimnya dikaitkan dengan seni, sains, falsafah dan teknologi (Chávez-Eakle, Eakle, & Cruz-Fuentes, 2012; Zabelina & Robinson, 2010). Pemikiran kreatif melibatkan penjaan dan kewujudan sesuatu dengan mengubah suai apa yang telah sedia ada atau melangkaui kemungkinan yang akan berlaku pada sesuatu masa atau keadaan. Selain itu, Kaufman dan Sternberg (2007) berpendapat, individu yang kreatif juga akan terus maju, sentiasa mencabar diri sendiri untuk melakukan yang lebih baik dan melihat sesuatu dengan cara baharu.

Mutakhir ini, kreativiti tidak hanya dilihat meliputi kapasiti ekspresi, tetapi juga keupayaan individu untuk bertindak balas terhadap situasi yang berubah-ubah, untuk menyelesaikan masalah dan cabaran, dan memberikan sumbangan positif (Jones, 2009). Menurut Cropley (2001), secara keseluruhannya, pakar-pakar dalam bidang kreativiti bersepakat bahawa terdapat tiga unsur teras kreativiti iaitu: keaslian (sesuatu produk, tindakan atau idea yang kreatif semestinya menyimpang dari kebiasaan); keberkesanan (mencapai tujuan mengapa ia dihasilkan); dan beretika (istilah kreatif tidak digunakan untuk menjelaskan tindakan-tindakan yang mementingkan diri sendiri seperti jenayah, tingkah laku destruktif dan sebagainya).

Pengkaji percaya bahawa tingkah laku guru boleh mempengaruhi kreativiti murid (Ariffin & Baki, 2014; Cropley, 1997; de Souza Fleith, 2000; Davies et al. 2014; Soh, 2015). Cropley (1997) menyarankan sembilan tingkah laku guru yang mampu menggalakkan kreativiti, iaitu menggalakkan murid belajar secara bebas dan berdikari; gaya pengajaran guru secara koperatif dan berintegrasi sosial; memotivasikan murid untuk menguasai pengetahuan asas bagi mencungkil kepelbagaian cara berfikir; menangguk penilaian terhadap idea murid sebelum mereka mencari penyelesaian sepenuhnya; menggalakkan pemikiran fleksibel; menekankan penilaian sendiri; memandang serius cadangan dan soalan murid; memberi peluang murid belajar melalui kepelbagaian bahan dan situasi; dan membantu murid mengatasi kekecewaan atau kegagalan mereka agar bersemangat mencuba sesuatu yang baharu atau luar biasa.

Berpandukan saranan Cropley (1997), Soh (2015) melakukan kajian lanjutan berkaitan tingkah laku guru dalam memupuk kreativiti murid. Beliau berpendapat, tingkah laku pemupukan kreativiti merupakan tindak balas guru yang sesuai dan dilakukan tepat pada waktunya, sekali gus akan menggalakkan murid untuk berusaha lebih gigih secara semula jadi pada masa hadapan. Menurut beliau, guru berada pada kedudukan yang terbaik untuk memupuk kreativiti murid sekiranya boleh mempamerkan tingkah laku tersebut setiap hari di dalam bilik darjah. Soh (2015) memperincikan sembilan aspek tingkah laku pemupukan kreativiti guru iaitu kebebasan, integrasi, motivasi, pertimbangan, fleksibiliti, penilaian, pertanyaan, peluang, dan kekecewaan.

Menurut Soh (2015), aspek kebebasan merupakan tindakan guru menggalakkan muridnya belajar sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. Aspek integrasi pula merupakan usaha guru menggalakkan kerjasama dalam kalangan murid semasa pengajaran dan pembelajaran. Aspek motivasi adalah tindakan

guru menggalakkan murid menguasai fakta agar mempunyai asas yang kukuh untuk pelbagai aras pemikiran. Seterusnya, aspek pertimbangan adalah merujuk kepada tindakan guru melewati penilaian atau keputusannya terhadap idea murid sehingga mereka benar-benar dapat menerokai segala maklumat yang ada. Aspek fleksibiliti merupakan tingkah laku guru menggalakkan pemikiran murid agar lebih terbuka dan luwes ketika pembelajaran berlangsung (Soh, 2015).

Kajian de Souza Fleith (2000) meneroka persepsi guru dan murid tentang kreativiti dalam persekitaran bilik darjah. Dapatan kajian beliau menunjukkan guru dan murid percaya bahawa persekitaran bilik darjah yang dapat meningkatkan kreativiti menyediakan murid dengan pilihan, penerimaan idea yang berbeza, meningkatkan keyakinan diri, dan memfokus kepada kekuatan dan minat murid. Manakala persekitaran yang menghalang kreativiti adalah apabila guru mengabaikan idea murid, guru terlalu mengawal dan wujudnya struktur yang berlebihan. Dalam kajian berhubung dengan pengajaran kreatif guru di dalam bilik darjah, Lou dan Chen (2012) mendapati suasana pengajaran kreatif adalah pendekatan yang terbuka dan memberikan inspirasi dalam menggalakkan murid meneroka serta berinovasi dalam membangunkan kebolehan berfikir dan mencipta. Pengajaran kreatif mengaplikasikan teknik yang sesuai dan fleksibel bagi menjadikan kelas lebih menarik serta menyeronokkan, sekali gus menggalakkan kreativiti dalam kalangan murid.

Kajian Davies et al. (2014) mendapati guru memainkan peranan penting dalam pembangunan persekitaran pembelajaran kreatif untuk memupuk kreativiti murid. Guru boleh melakukan hal tersebut melalui pembinaan hubungan positif, memodelkan tingkah laku kreatif, merancang kurikulum jangka panjang, mencetuskan keseimbangan antara kebebasan dan struktur, membenarkan penggunaan ruang yang fleksibel, memahami keperluan murid dan gaya belajar, mewujudkan peluang untuk kerjasama dan penilaian rakan sebaya, dan berkesan penggunaan sumber. Faktor kreativiti di dalam bilik darjah dilihat sebagai proses yang menekankan aspek perbezaan, berbanding percubaan untuk membentuk struktur yang homogen (Cropley, 1997).

Ariffin dan Baki (2014) meneroka kepercayaan dan amalan guru dalam meningkatkan tahap kreativiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Selain faktor persekitaran bilik darjah dan ciri-ciri guru, faktor kebebasan dan bahan pengajaran adalah sangat penting untuk menggalakkan kreativiti. Kreativiti juga boleh tercetus apabila guru membuka peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi sesama mereka, bertanya soalan terbuka, bekerjasama dalam kumpulan dan terlibat dalam perbincangan. Hubungan antara faktor kebebasan dan kreativiti kanak-kanak turut ditemui oleh Norsita et al. (2015) dalam kajiannya. Mereka mendapati kebebasan yang diberi oleh guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan kreativiti kanak-kanak. Dapatan ini selari dengan kajian Van Hook dan Tegano (2002) yang menunjukkan kanak-kanak yang bebas untuk menerima atau menolak pilihan berdasarkan kebebasan bersuara mungkin lebih sesuai untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah secara kreatif.

3.0 METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah kerangka yang digunakan dalam sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Ia adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian (Creswell, 2007). Reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metode dan strategi pensampelan (Robson, 2011).

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif yang cuba untuk meneroka amalan pengajaran guru prasekolah dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak. Pemilihan pendekatan kualitatif adalah untuk menjawab persoalan yang memerlukan jawapan kepada bagaimana dan apa yang berlaku, tajuk berbentuk penerokaan dan kajian yang memerlukan jawapan secara terperinci (Creswell, 2007). Secara umumnya, penyelidikan kualitatif dalam bidang pendidikan digunakan untuk menyiasat fenomena pendidikan dalam beberapa bentuk kajian seperti fenomenologi, kajian kes, etnografi, teori sandaran dan kajian secara naratif (Othman, 2014). Namun, kaedah kajian kes adalah suatu bentuk kajian yang sering digunakan dalam bidang pendidikan untuk mencapai salah satu objektif, iaitu menjelaskan sesuatu fenomena secara terperinci, menjelaskan beberapa kemungkinan fenomena tersebut berlaku dan untuk menilai fenomena tersebut (Marohaini, 2016). Kajian ini juga membolehkan pengkaji meneroka secara mendalam dan menyeluruh fenomena yang dikaji dalam konteks yang sebenar (Rasid & Raman, 2016). Kajian kes juga lebih tertumpu kepada proses kajian tersebut dijalankan untuk membolehkan pengkaji menguji interaksi kriteria setiap unit dalam penyelidikan terhad (Yin, 2003).

Reka bentuk kajian kes juga boleh digunakan untuk meneroka secara jelas persoalan kajian (Yin, 2003). Suatu bentuk kajian kes diperlukan untuk mendapatkan keterangan dan kefahaman secara menyeluruh dan mendalam, melalui pendekatan holistik dan pengiktirafan ke atas keunikan setiap fenomena yang dikaji (Rasid & Raman, 2016). Kajian kes juga akan dapat memberikan penjelasan berkaitan sesuatu kes atau seseorang individu, memberikan penerangan kepada mengapa situasi itu berlaku dan untuk menilai sesuatu program atau individu (Othman, 2014). Pengkaji memilih kaedah kajian kes untuk membolehkan pengkaji meneroka amalan pengajaran guru prasekolah dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak.

3.2 Sampel Kajian

Pemilihan responden dalam kajian kualitatif adalah bergantung kepada tajuk, objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji serta berasaskan prinsip kesanggupan mereka melibatkan diri dalam kajian ini. Othman (2014) menegaskan bahawa apa yang penting dalam kajian kualitatif ialah kualiti responden dan bukanlah kuantiti. Legard, Keegan dan Ward (2003) pula menerangkan bahawa pemilihan responden adalah berdasarkan kerelaan dan keupayaan mereka menyatakan pendapat tentang topik yang akan dibincangkan serta mempunyai pengalaman mendalam berhubung perkara tersebut.

Kajian ini melibatkan penerokaan amalan pengajaran guru prasekolah dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak. Oleh itu, kaedah pensampelan bertujuan adalah lebih sesuai digunakan. Cikgu Gee (bukan nama sebenar) telah dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan kepada tiga kriteria berikut: (a) beliau berpengalaman sebagai guru tadika lebih dari 20 tahun, (b) mempunyai kelayakan akademik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak, dan (iii) menyertai kajian ini secara sukarela. Berdasarkan kriteria ini, Cikgu Gee merupakan responden terbaik yang dapat memberikan sumber maklumat maksimum bagi membantu pengkaji memahami fenomena yang dikaji.

Dalam kajian kualitatif, hubungan baik antara pengkaji dan responden adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan membina kepercayaan (Othman, 2014). Hubungan baik memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang cukup untuk kajiannya kerana hubungan baik yang terjalin membolehkan responden memberikan pelbagai maklumat dan pandangan peribadi atau beraksi dalam keadaan yang biasa dengan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran pengkaji. Hubungan baik antara pengkaji dengan individu yang dipilih sebagai responden merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan kajian ini. Oleh sebab pengkaji sendiri merupakan kenalan kepada Cikgu Gee, maka hubungan baik yang telah sedia terjalin memudahkan pengkaji mendapatkan kerjasama, manakala Cikgu Gee bebas untuk menyatakan pandangan semasa sesi temu bual diadakan.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam penyelidikan kualitatif ini, pengkaji sendiri berperanan sebagai instrumen atau alat penelitian. Othman (2014) menegaskan bahawa penelitian kualitatif tidak mempunyai pilihan selain daripada menjadikan manusia sebagai instrumen penelitian utama. Oleh itu, pengkaji sendiri terlibat secara langsung di lapangan untuk melakukan temu bual agar dapat memahami makna data kajian dengan lebih mendalam. Othman (2014) juga menyatakan bahawa dalam penelitian kualitatif, pengkaji yang bertindak sebagai alat penelitian sahaja dapat berhubungan dengan responden dan subjek lainnya dan hanya pengkaji yang mampu memahami kaitan fakta di lapangan kajian. Di samping itu, pengkaji juga dapat melakukan pemilihan data dengan lebih berkesan dan cekap secara langsung.

Dalam kajian ini, pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian pengajaran dan protokol temu bual. Penggunaan pelbagai kaedah untuk mendapatkan data membolehkan pengkaji membuat triangulasi bagi memperkukuh kesahan dapatan kajian. Teknik ini digunakan untuk mentaksir kecukupan data mengikut pemusatan kepelbagaian prosedur pengumpulan sumber data (Aini, 2016). Dengan kata lain, teknik ini dapat meningkatkan kesahan dan kesahihan dapatan kerana setiap data yang diperoleh daripada satu teknik dapat diperkuat oleh teknik yang lain.

Temu bual merupakan suatu proses soal jawab antara pengkaji dengan subjek kajian untuk mendapatkan data, keterangan, persepsi atau pendapat daripada subjek tersebut (Puvunesvary, 2008). Jenis struktur temu bual yang digunakan adalah temu bual semi berstruktur berdasarkan panduan soalan yang disediakan. Menerusi teknik ini, pelaksanaannya dapat dikembangkan sesuai dengan alur maklumat yang disampaikan oleh responden dengan tidak menyimpang daripada permasalahan yang diajukan dalam kajian (Puvunesvary, 2008).

Pada asasnya, temu bual semi berstruktur “menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka dan tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur” (Othman, 2014; hlm. 128). Temu bual semi berstruktur adalah yang kaedah yang terbaik kerana temu bual ini dapat membantu pengkaji untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor (Schensul et al., 1999, dalam

Othman, 2014). Untuk tujuan ini, soalan-soalan wawancara telah disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan responden.

Temu bual yang dijalankan direkodkan dengan menggunakan alat perakam suara supaya tiada maklumat yang tertinggal atau tercicir. Merakam temu bual juga akan membantu pengkaji untuk menumpukan kepada pertanyaan soalan dan mendengar apa yang disebut responden tanpa bimbang keciciran maklumat (Liamputtong, 2014). Ini akan membantu meningkatkan kesahan dan kebolehan percayaaan hasil pemerhatian yang diperolehi (Legard et al., 2003). Temu bual berkenaan kemudiannya ditranskripkan ke dalam bentuk teks dan interpretasi data dijalankan.

Selain temu bual, pemerhatian turut digunakan dalam kajian ini. Pemilihan kaedah pemerhatian dalam kajian ini berdasarkan pandangan Kidder (1991) dalam Othman (2014), iaitu, pertama pemerhatian dianggap sebagai alat kajian apabila digunakan untuk mencapai tujuan kajian. Faktor kedua pemilihan teknik pemerhatian adalah untuk menjawab soalan kajian dan mencapai tujuan kajian, namun, penggunaan teknik pemerhatian perlu dirancang dengan rapi dan direkod secara sistematik untuk tujuan melapor dapatan yang diperolehi agar ia boleh dipercayai. Justifikasi ketiga, pemilihan teknik pemerhatian dibuat adalah berdasarkan pandangan Suseela (2016) yang menganggap pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Ini kerana teknik pemerhatian boleh mengawal dan memeriksa kesahan dan kebolehpercayaaan kajian.

Ketika pemerhatian dilakukan, pengkaji telah merakam beberapa foto insiden yang berlaku sepanjang sesi pengajaran Cikgu Gee berlangsung. Foto-foto yang diambil membolehkan pengkaji untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana Cikgu Gee dan kanak-kanak berinteraksi serta mengorganisasikan percakapan dan pergerakan. Gambaran tersebut tidak mungkin boleh diperolehi melalui rakaman audio dan catatan lapangan sahaja. Ini membolehkan pengkaji merujuk semula foto-foto tersebut untuk mengesahkan maklumat catatan lapangan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Terdapat empat objektif yang dicapai daripada kajian yang dijalankan. Kesemua objektif ini dibincangkan dengan membuat perbandingan daripada kajian yang sebelumnya.

4.1 Objektif 1 : Menghuraikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak.

Guru berperanan utama sebagai pelaksana kurikulum. Keberkesanan kurikulum amat bergantung kepada dedikasi seorang guru. Justeru, apabila guru diberikan tanggungjawab untuk mengajar sesuatu mata pelajaran, tanggungjawab tersebut bukanlah setakat mengajar semata-mata, malah seseorang guru perlu merancang pengajarannya dengan teliti agar pada akhir pengajaran kanak-kanak dapat serta mampu menguasai kemahiran yang diajar. Menurut Rosmah dan Mariani (2014), pada peringkat pertama sebelum proses pengajaran, guru perlu mempunyai kebolehan untuk mentafsirkan sukatan mata pelajaran yang hendak diajar. Pentafsiran sukatan pelajaran ini adalah bagi memudahkan guru merancang pengajaran dan mengenal pasti kaedah yang lebih berkesan. Kajian ini mendapati Cikgu Gee mengguna pakai garis panduan yang terkandung dalam KSPK tetapi membuat olahan agar dapat menimbulkan minat dan merangsang daya imaginasi kanak-kanak. Hal ini dinyatakan oleh Cikgu Gee seperti mana berikut:

“Kita ikut apa yang disediakan, tapi kita olahkan sedikit mengikut kreativiti kita sendirilah. Kadang-kadang skop yang diberi tu secara tertentu jadi kita perluaskan lagi untuk menambahkan lagi minat, daya imaginasi kanak-kanak ni supaya lebih kreatif.”

Hasil temu bual ini membayangkan bahawa guru yang kreatif dapat menstrukturkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang menyumbang kepada perkembangan kreativiti mereka. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Rosmah dan Mariani (2014) yang menyatakan bahawa guru selaku pelaksana boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dengan keadaan dan situasi. Guru juga mempunyai pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, prihatin kepada perbezaan kanak-kanak dari segi keupayaan minat dan latar belakang serta kepekaan terhadap perubahan dan perkembangan pendidikan terkini. Justeru, guru dapat melaksanakan PdP berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Pelaksanaan aktiviti PdP juga memerlukan guru membuat persediaan yang rapi dari segi bahan-bahan yang diperlukan dan menjangka penerimaan kanak-kanak terhadap aktiviti yang akan dilaksanakan

berdasarkan tahap keupayaan mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Cikgu Gee seperti dua petikan temu bual berikut:

“... kalau baru ni tema kenderaan di darat, kita fikir macam mana nak buat. Rancang tu kena spesifik sikitlah, kalau kita nak buat tu kita ada bahan-bahan yang cukup, penerimaan kanak-kanak ni kita fikir, sukar ke, mudah ke, sederhana ke ...”

“Kalan saya nak buat sesuatu aktiviti tu, saya akan fikirkan basil yang terbaik tapi mudah dilaksanakan dan menarik. Saya akan berbincang dengan kawan yang sama subjek tu, macam mana kita nak mengolah supaya hasilnya lebih menarik lagi. Dulu buat dengan barang terbuang, akan datang kita akan hasilkan benda yang sama dengan barang yang berlainan. Saya berbincang dengan rakan sekerja macam mana nak buat lebih menarik lagi.”

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Cikgu Gee telah mengambil kira dan mengamalkan penggunaan set induksi untuk memulakan pengajaran yang bertujuan menghubungkan pengalaman kanak-kanak dengan objektif-objektif dalam sesuatu pelajaran. Set induksi yang baik akan dapat menarik perhatian mereka kepada pelajaran, bersedia menerima pelajaran baru dan menggalakkan pembelajaran. Pemerhatian di bilik darjah mendapati Cikgu Gee melakukan pelbagai kaedah set induksi pada permulaan pengajaran untuk menarik perhatian kanak-kanak seperti membincangkan tajuk, bersoal jawab, mencungkil pengetahuan murid tentang pengalaman pembelajaran dan pengetahuan yang lepas serta nyanyian lagu berkaitan dengan tema aktiviti bagi memastikan mereka bersedia terlebih dahulu. Perkara ini dijelaskan oleh Cikgu Gee seperti petikan berikut:

“Kita pun terang kepada kanak-kanak dulu bari ni nak buat apa, kreativiti apa, cara-cara kita demonstrasi dulu, kita tak boleh beri secara mendadak, kita beritahu langkah-langkah. Kreativiti tu kulan dari segi pembelajaran biasanya permulaan tu ada nyanyian dulu untuk menarik minat dia orang kan, lepas tu kita buat perbualan sikitlah mengenai tema tersebut, lepas tu kita direct aktiviti yang kita nak buat tu.”

Satu perkara menarik yang dapat diperhatikan dalam proses PdP di bilik darjah ialah nyanyian lagu Didi & Friends untuk menarik perhatian kanak-kanak. Berdasarkan kajian Zaharah (2016), aktiviti muzik menggunakan lagu Didi & Friends memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak dan juga meningkatkan kualiti PdP guru. Aktiviti muzik menggunakan lagu Didi & Friends mampu meningkatkan tahap perkembangan emosi kanak-kanak dan merangsang minat kanak-kanak untuk belajar kerana sesi PdP tidak berlangsung dalam keadaan tertekan, malah dijalankan dalam keadaan yang ceria dan menyeronokkan. Dapatan ini turut disokong oleh Azli dan Abu Bakar (2013) yang menyatakan unsur muzik dalam PdP bukan sahaja boleh membina kanak-kanak yang kreatif, malah dapat mengembangkan lagi tahap kepintaran dan perkembangan kognitif dan bahasa mereka. Kanak-kanak akan lebih mudah belajar dan memahami sesuatu perkara jika kreativiti mereka dapat dibina.

Bahan dan peralatan merupakan salah satu aspek yang memberikan kesan kepada proses pembelajaran kanak-kanak. Aktiviti kreativiti melibatkan pembelajaran guna tangan iaitu kanak-kanak melakukan kerja secara fizikal dengan menggunakan alatan. Bagi memastikan aktiviti ini berjaya dilaksanakan, alat bantu mengajar (ABM) adalah penting untuk membolehkan kanak-kanak merasai sendiri pengalaman pembelajaran secara jelas. Setiap sumber yang dipilih pula mestilah bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak (Nor Fauzian & Fauziah Hanim, 2015). Dalam kajian ini, Cikgu Gee menggunakan ABM yang menarik minat kanak-kanak terhadap aktiviti pembelajaran. Petikan temu bual berikut menjelaskan tentang perkara ini:

“... apabila kita bagi alat-alat tambahan untuk menarik lagi hasil karya dia tu kita akan bagi contohnya kertas warna, stiker... kita akan beri kebebasan dia untuk menghibas, dari segi tu kita tengok kreativiti kanak-kanak tu sendiri.”

Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Pandit dan Neogi (2016) yang menunjukkan bahawa ABM mempunyai hubungan yang signifikan dengan kreativiti kanak-kanak. Dapatan ini turut disokong oleh Ariffin dan Baki (2014) yang menjelaskan bahawa bahan-bahan yang digunakan dalam proses PdP di prasekolah menyumbang kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak.

Dalam pendidikan prasekolah, guru perlu mempunyai kemahiran untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat dan minat kanak-kanak. Pemerhatian di bilik darjah mendapati Cikgu Gee menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti pendekatan berpusatkan murid, demonstrasi dan bimbingan semasa melaksanakan

aktiviti PdP. Pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid akan merangsang keseronokan, penglibatan aktif dalam aktiviti bilik darjah, konsep-kendiri dan bakat kanak-kanak, seterusnya menggalakkan perkembangan kreativiti. Cikgu Gee berperanan dalam menetapkan prosedur pembelajaran dan bertindak sebagai pembimbing dengan menggalakkan murid mengambil bahagian dalam tugas berkumpulan (Mok, 2013). Hal ini dinyatakan oleh Cikgu Gee seperti berikut:

“Biasanya murid ni banyak bertanya ... banyak bertanya, banyak minta pandangan daripada kita. Kadang-kadang kita sendiri pun kalau tengok budak tu tak dapat hasilkan kita sebagai guru ni kena pergi dekat dia, kena tanya, kena bimbing, tanya kenapa tak boleh siapkan kerja ni ... biasanya budak-budak yang sederhana, lemah tu dia memang lambat sikitlah untuk hasilkan kerja jadi mereka tu memerlukan banyak sokongan daripada kita, kita tak boleh sekat, kalau boleh cuba siapkan.”

Guru juga perlu bijak mempelbagaikan rangsangan dalam penyampaian bertujuan untuk memusatkan perhatian murid dan mengekalkan minat terhadap aktiviti pengajarannya. Ini adalah kerana guru merupakan sumber rangsangan yang kompleks yang mempunyai berbagai-bagai sifat dan tingkah laku. Cara guru bercakap, tersenyum, bergerak dan memberikan tindak balas yang berlainan terhadap tingkah laku kanak-kanak sebenarnya juga merupakan suatu rangsangan. Terdapat tiga bentuk variasi rangsangan yang diperhatikan, iaitu perubahan pergerakan langkah guru, perubahan pergerakan anggota guru, dan perubahan nada suara. Cikgu Gee dilihat banyak melakukan pergerakan langkah sama ada berdiri di hadapan dan kemudian bergerak ke belakang kelas, dan bergerak di sekeliling kumpulan untuk memeriksa kerja-kerja murid. Pemerhatian di bilik darjah turut mendapati berlakunya perubahan pergerakan anggota dan perubahan nada suara Cikgu Gee (mendatar, lantang, dan senyap). Suara guru yang jelas, berintonasi dan tidak tegang mewujudkan suasana yang selesa seterusnya menggalakkan kanak-kanak bernesra dan berinteraksi dengan guru (Noriati et al. 2013). Pergerakan guru dari satu tempat ke satu tempat yang lain, pergerakan anggota badan dan nada suara guru dapat menambahkan kesan pengajaran dan dapat mengawal keadaan bilik darjah.

Pengajaran guru masih belum boleh dikatakan berkualiti sekiranya proses penilaian tidak dilakukan. Justeru, guru seharusnya membuat penilaian bagi mengetahui tahap perkembangan kreativiti kanak-kanak. Di akhir sesi PdP, Cikgu Gee mempamerkan hasil kerja yang terbaik dan menerangkan mengapa hasil kerja tersebut dipilih dengan menggunakan bahasa yang jelas dan mudah. Penilaian ini amat berguna kepada kanak-kanak kerana guru dapat memberikan kepastian kepada mereka. Kenyataan ini digambarkan melalui hasil temu bual seperti berikut:

“Model yang terbaik kita tunjuk, kenapa cikgu pilih, kenapa macam ni, kenapa macam ni, biar dia orang paham, penerangan tu menggunakan bahasa yang mudah difahami.”

Proses penilaian ini sangat penting kerana dapat membantu Cikgu Gee untuk membuat keputusan bagi tindakan selanjutnya. Misalnya, untuk kanak-kanak yang dilihat masih belum mencapai tahap yang memuaskan, Cikgu Gee memberikan maklum balas yang positif terhadap hasil kerja mereka. Maklum balas yang diberikan oleh Cikgu Gee dapat membantu kanak-kanak mengetahui perkembangan tugas mereka serta memotivasikan mereka. Cikgu Gee memberikan maklum balas yang spesifik dan serta-merta supaya kanak-kanak tahu secara eksplisit aspek mana yang perlu dibaiki. Petikan temu bual berikut menjelaskan perkara ini:

“Kita cubalah bagi sokongan pada yang belum berjaya. Kadang-kadang dia orang merajuk, kenapa saya tak boleh buat macam dia, kenapa hasil dia cantik, kita akan berilah sebab-sebab tu. Sebab tu mesti positif, kalau kita bagi negatif, dia akan lebih rasa ... tak nak buatlah cikgu, tak nak lah, tak nak buatlah. Tapi kalau boleh hasil tu kena siap mengikut kreativiti sendiri.”

Dapatan dari temu bual ini selari dengan pandangan Myint et al. (2005) yang menyatakan bahawa guru perlu mengurangkan emosi-emosi negatif dalam kalangan murid seperti marah, sedih, tidak berpuas hati dan sentiasa menggalakkan emosi-emosi positif seperti yakin diri, seronok, dihargai dan selamat. Pendekatan begini akan membuatkan murid merasakan guru peduli dan mengambil berat terhadap mereka, seterusnya memotivasikan murid untuk menghasilkan tugas-tugas pembelajaran dengan baik.

4.2 Objektif 2 : Menjelaskan pendekatan dan kaedah digunakan oleh guru prasekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran kreativiti mengikut tahap kebolehan dan keupayaan pembelajaran kanak-kanak.

Pengelasan aktiviti pengajaran terjadi apabila guru menyediakan waktu secukupnya bagi kanak-kanak melengkapkan tugas mereka, membenarkan kanak-kanak memilih bahan yang akan digunakan, menyediakan tugas yang berbeza jenis dan sebagainya. Pengelasan dalam pengajaran merupakan satu set kaedah yang membantu guru untuk memastikan kanak-kanak bersedia untuk belajar berdasarkan kekuatan, keperluan dan gaya pembelajaran mereka. Justeru, kurikulum yang digubal kerajaan adalah bersesuaian dengan umur kanak-kanak tersebut bagi memperkembang jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial kanak-kanak. Namun, kaedah yang digunakan oleh guru untuk mencapai matlamat tersebut adalah pelbagai.

Dapatan kajian ini, penemuan pengelasan dalam pengajaran adalah pemboleh ubah input yang melibatkan aspek isi kandungan. Isi kandungan adalah apa yang diajar kepada kanak-kanak. Mereka diajar menggunakan kurikulum yang sama tetapi isi kandungannya adalah berbeza dalam bentuk kuantiti dan kualiti. Cikgu Gee menyesuaikan aktiviti kreativiti dengan tahap kemahiran dan keupayaan kanak-kanak. Kanak-kanak dengan tahap keupayaan yang lebih baik diberikan aktiviti yang lebih mencabar, manakala kanak-kanak yang agak lemah dari segi pergerakan motor halus diberikan aktiviti yang lebih mudah. Melalui proses pembelajaran yang sesuai dan selaras dengan keupayaan dan jiwanya, kanak-kanak akan mengalami perkembangan diri, personaliti dan konsep sendiri positif serta menikmati kejayaan dan mengembangkan potensi diri. Implikasinya, kanak-kanak tersebut tidak ketinggalan dalam pembelajaran. Hal ini dinyatakan oleh Cikgu Gee seperti mana berikut:

“Biasanya sesuatu aktiviti yang kita nak buat tu, kita kena tengok kebolehan mereka tu. Kalau macam baru ni kan saya buat tiga kategori, kategori model, kolaj, dan mewarna. Bagi yang mewarna tu saya beri yang lemah sedikit, sebab biasanya motor halus kasar ni, main-mainkan jari ni, dia masih lagi tersekat. Macam yang kolaj tu, budak yang saya tengok lebih prihatin dan lebih berhati-hati buat sesuatu kiranya lebih fokus sebab kolaj tu memerlukan daya untuk mencantum kertas-kertas yang kecil tu memerlukan pemerhatian yang lebih. Dan kumpulan yang pertama, model kenderaan tu, yang dia kreatif, dia boleh mencipta, contohnya suruh dia buat lori, dia akan bertanya cikgu boleh tak saya buat tingkap, warnakan tayar, jadi dia ada lebih kreatif, imaginasi tu tinggi sikit.”

Walaupun kajian ini mendapati berlakunya pengelasan dalam pengajaran oleh Cikgu Gee yang melibatkan penyesuaian aktiviti dengan tahap keupayaan kanak-kanak, beliau tetap memberikan peluang kepada semua untuk merasai pengalaman melakukan aktiviti yang berbeza-beza melalui penggiliran aktiviti. Strategi ini dapat mengelakkan kanak-kanak berasa bosan kerana membuat aktiviti yang sama berulang kali. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti petikan berikut:

“Model tu mungkin tak boleh buat secara individu tapi secara berkumpulan. Yang kumpulan pertama tu pun ada suarakan nak buat kolaj, nak mewarna, jadi kita akan gilir-gilirkanlah dia orang ni ... kita dah ada target keupayaan budak ni macam mana ... mungkin antara kumpulan tu kita boleh bertukar pula, jadinya tak adalah rasa rendah diri.”

Bagi mengatasi masalah keupayaan kanak-kanak untuk membuat sesuatu aktiviti, Cikgu Gee mengubah suai ABM yang digunakan supaya bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka. Strategi ini juga dapat mendedahkan kanak-kanak dengan pengalaman pembelajaran yang pelbagai. Kenyataan Cikgu Gee mengenai penemuan ini adalah seperti berikut:

“Kalau kolaj tu gambar yang lebih besar. Kalau model, hasil bahan yang lebih mudah ... Pengalaman tu biar ada, taklah dia tu mewarna, minggu depan pun mewarna juga, kita akan bagi pengalaman, biar dia boleh rasa.”

Kedua, pengelasan dalam pengajaran guru melibatkan pemboleh ubah proses, iaitu bagaimana guru mengajar dan bagaimana kanak-kanak belajar. Aktiviti pengajaran guru seharusnya berdasarkan kepelbagaian kanak-kanak dalam aspek keupayaan, gaya pembelajaran dan minat. Kaedah pengajaran guru melibatkan aktiviti berkumpulan berdasarkan keupayaan, gaya pembelajaran dan minat kanak-kanak. Pemerhatian di bilik darjah mendapati, ketika proses PdP berlangsung, Cikgu Gee membuat pemantauan aktiviti kanak-kanak tetapi lebih banyak memberikan tumpuan kepada kumpulan yang ditugaskan untuk membuat aktiviti lebih sukar. Dengan kata lain, kanak-kanak tidak belajar menggunakan kaedah yang sama manakala Cikgu Gee pula tidak mengajar cara yang sama terhadap kanak-kanak tersebut. Implikasinya, melalui tahap sokongan yang berbeza Cikgu Gee dapat mengenal pasti daripada penilaian yang berbeza

berdasarkan tahap keupayaan, gaya pembelajaran dan minat kanak-kanak yang berlainan. Kenyataan Cikgu Gee mengenai penemuan ini adalah seperti berikut:

“Dalam aktiviti kreativiti ni kita boleh tengoklah kanak-kanak yang pasif, yang sederhana, dan yang masih memerlukan bimbingan. Contohnya semasa kita buat aktiviti tu ada kanak-kanak ni dia tak boleh buat dengan sendiri, jadi kita kena bimbing dia dari awal sampai akhir. Ada kanak-kanak tu dia boleh buat sendiri tetapi ada yang memerlukan bimbingan daripada kita dan ada kanak-kanak tu yang kita boleh bagi dia buat sendiri cuma kita bimbing sikit saja.”

Ketiga, pengelasan dalam pengajaran guru turut melibatkan pemboleh ubah dapatan iaitu tingkah laku yang ditunjukkan oleh kanak-kanak hasil daripada proses pembelajaran. Pemboleh ubah ini boleh dilihat menerusi penilaian Cikgu Gee terhadap kanak-kanak berbentuk formatif berdasarkan kurikulum yang telah digubal seperti kerja berkumpulan. Dalam kajian ini, penilaian yang dilaksanakan adalah berbeza-beza berasaskan tahap keupayaan, gaya pembelajaran dan minat kanak-kanak yang berlainan. Petikan temu bual berikut menjelaskan tentang perkara ini:

“Bila hasil yang dibuat oleh kanak-kanak tu seperti apa yang kita bendak. Bila kita tengok berjaya sesuatu projek atau bahan kreativiti yang kita buat tu, rasanya berjaya lah matlamat kita nak buat. Kalau ada yang separuh jalan, kalau boleh kita nak biar dia buat sampai siap sepenuhnya dan itu memerlukan bantuan kitalah untuk dia hasil tu memang lengkap .. baa macam tu lah ... dengan berjaya model yang dia buat tu maknanya kita boleh tahu macam mana hasil pengajaran kita terhadap dia berjaya, dia faham apa yang kita nak, kanak-kanak ni pun gembira dengan basil yang dibuat tu sendiri.”

4.3 Objektif 3 : Mengetahui bentuk insentif yang digunakan oleh guru prasekolah untuk memotivasikan kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran kreativiti.

Pembelajaran memerlukan kanak-kanak memberikan tumpuan sepenuhnya kepada PdP dan melaksanakan tugas dengan baik. Hasrat tersebut akan tercapai sekiranya mereka diberikan motivasi secara berterusan untuk melakukan aktiviti tersebut. Motivasi tersebut berpunca daripada dua sumber. Pertama, nilai intrinsik yang menimbulkan minat kanak-kanak kerana penggunaan kaedah pengajaran guru yang menarik. Kedua, faktor ekstrinsik yang diwujudkan untuk kanak-kanak, misalnya pujian dan hadiah.

Gambaran untuk jenis motivasi yang pertama ditunjukkan dalam penemuan kajian ini. Kajian ini mendapati Cikgu Gee menggunakan nilai intrinsik dalam pengajaran dengan menghubungkaitkan pengajaran dalam kehidupan seharian kanak-kanak di samping penggunaan ABM yang menarik. Cikgu Gee juga mengemukakan soalan-soalan tentang pengalaman lepas dan pemahaman tentang konsep-konsep yang telah dipelajari untuk merangsang ingatan kembali. Implikasinya, kanak-kanak akan berusaha mengenal pasti maklumat lebih lanjut. Kenyataan Cikgu Gee mengenai penemuan di atas adalah seperti berikut:

“... dari segi pengalaman dia orang, kita tanya berikan contoh beberapa kenderaan darat dan kita suruh dia bercerita mengenai kenderaan tersebut.”

Kaedah pengajaran Cikgu Gee yang berbentuk kumpulan kecil turut berupaya memotivasikan kanak-kanak. Dalam kumpulan tersebut, kanak-kanak telah berkolaboratif dan saling belajar. Apabila kanak-kanak berinteraksi antara satu sama lain semasa menjalankan aktiviti, mereka belajar kemahiran sosial seperti bertolak ansur, bekerjasama, saling menghormati dan berkongsi sesuatu. Penglibatan aktif ini membangunkan emosi, kemahiran sosial, fizikal dan kognitif kanak-kanak. Kenyataan Cikgu Gee mengenai penemuan di atas adalah seperti berikut:

“Saya akan buat satu kumpulan untuk siapkan satu model ... dia akan bekerjasama membuat binaan, masing-masing ada tugas, contohnya yang dia ni untuk menggunting, yang ni untuk mewarna, menampal.”

Tambahan pula, kualiti guru mengajar dan kesesuaian aras pengajaran turut memotivasikan kanak-kanak untuk belajar. Dalam kajian ini, kanak-kanak ditemui berupaya untuk belajar jika guru mengajar menggunakan kaedah pengajaran yang menarik. Dalam konteks ini, kanak-kanak diajar berdasarkan keupayaan, gaya pembelajaran dan minat mereka. Implikasinya, kanak-kanak berasa isi kandungan pengajaran yang disampaikan amat bermakna kepada mereka. Gambaran mengenai kenyataan di atas diterangkan oleh Cikgu Gee seperti berikut:

“Biasanya kita akan tambahkan ... contohnya kalau kenderaan di darat kita akan beritahu fungsi kenderaan tu di samping tu aktiviti tu menarik minat dia supaya daya imaginasi dia tu tercetus dengan sendirinya.”

Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti penghasilan ciptaan mengikut daya kreativiti selalunya bukan untuk mendapatkan sesuatu ganjaran, tetapi lebih kepada kecenderungan dan keseronokan bermain (Noriati et al., 2013). Kecenderungan bermain menjadikan aktiviti penghasilan ciptaan kreatif sebagai wahana untuk kanak-kanak belajar dalam suasana yang tidak begitu formal, menyeronokkan, bebas dan selamat. Justeru, semasa aktiviti PdP, Cikgu Gee menggunakan nilai intrinsik untuk memotivasikan kanak-kanak dengan memberikan kebebasan kepada mereka berasaskan minat dan keseronokan belajar. Kebebasan merupakan salah satu ciri penting dalam pembelajaran berpusatkan murid yang menggalakkan kreativiti kanak-kanak. Dapatan temu bual dengan Cikgu Gee mengesahkan perkara ini:

“Saya akan bagi contoh, kalau kanak-kanak tu nak buat macam yang saya bagi contoh, ataupun mengikut daya kreativiti dia sendiri kita izinkan, kita bagi kebebasan untuk dia.”

Dapatan kajian ini disokong oleh Ariffin dan Baki (2014) yang mendapati kreativiti kanak-kanak dapat dipupuk dengan memberikan mereka kebebasan memilih ketika aktiviti pembelajaran. Norsita et al. (2015) mendapati wujudnya hubungan antara kebebasan yang diberi oleh guru dan kreativiti kanak-kanak. Hasil kajian ini juga adalah konsisten dengan hasil kajian Van Hook dan Tegano (2002), yang juga menunjukkan kanak-kanak yang bebas untuk menerima atau menolak pilihan berdasarkan pilihan peribadi (kebebasan bersuara) mungkin lebih sesuai untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah secara kreatif.

Kanak-kanak juga memerlukan nilai ekstrinsik bagi meningkatkan usaha pembelajaran mereka atau bersikap tanggungjawab sebagai seorang murid. Menurut Soh (2000), seseorang guru itu boleh secara langsung menggalakkan kreativiti melalui interaksinya dengan pelajar dengan memberi ganjaran terhadap usaha dan penghasilan yang kreatif. Misalnya, kajian ini mendapati Cikgu Gee memberikan maklum balas berbentuk pujian lisan bagi setiap tugas yang dilakukan oleh kanak-kanak:

“Pujian tu dengan nasihat, contohnya Ayuni kena mewarna lebih elok lagi, lain kali kita buat gambar lain lagi, bagus ke, baik ke, rajin tu, memang kena sentiasa beri pada semua murid. Biar dia rasa bangga sikit bila kita puji walaupun kita tahu memang dia tu lemah tapi pujian kena beri kepada semua kanak-kanak.”

Seperti yang dinyatakan oleh Norsita dan Zainal (2014), guru perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak di samping memberi pengetahuan dan memupuk pemikiran kreatif. Hasil temu bual ini jelas menunjukkan bahawa Cikgu Gee memberikan pujian dan penghargaan yang disertakan dengan nasihat untuk memotivasikan kanak-kanak supaya membuat lebih baik lagi. Ini adalah selaras dengan pandangan yang mengatakan sikap positif guru terhadap kreativiti dalam kalangan kanak-kanak di bilik darjah akan memberikan kesan yang positif terhadap motivasi, pencapaian, kreativiti, keyakinan diri serta sikap kanak-kanak terhadap sekolah (Davis & Rimm, 2004; Dababneh, Ihmeideh, & Al-Omari, 2010).

Di samping memberikan pujian, kajian ini mendapati amalan pemberian hadiah oleh Cikgu Gee adalah bertujuan untuk memberi motivasi kepada kanak-kanak untuk belajar. Ini selaras dengan teori pengukuhan Skinner yang mengatakan bahawa apabila ganjaran diberikan kepada seseorang selepas selesai melakukan sesuatu kerja, maka prestasi kerjanya akan meningkat. Perkara ini diungkapkan oleh Cikgu Gee seperti petikan berikut:

“Bonus ni mungkin macam ‘token’lah, sagu bati ke, kalau boleh baca contohnya prestasi yang lebih baik, cikgu bagi hadiah kiranya sebagai sokongan, motivasi, kalau dia berusaha kita boleh beri penghargaan.... Kita bagi apa-apa mereka suka, biasanya budak-budak ni kita bagi coklat, alat tulis, pensil sebatang pun sangat suka kalau kita bagi.”

4.4 Objektif 4 : Menghuraikan bagaimana guru prasekolah menggunakan waktu pengajaran dan pembelajaran yang diperuntukkan untuk memupuk kreativiti kanak-kanak.

Perancangan dan penggunaan masa yang cekap adalah perlu untuk menguruskan PdP dan bilik darjah dengan berkesan. Pembelajaran murid meningkat dengan perancangan dan penggunaan masa yang berkesan di dalam bilik darjah. Justeru, guru perlu menentukan peruntukan masa yang sesuai agar masa pengajaran dapat diselaraskan dan dilakukan dengan sempurna dan penglibatan kanak-kanak dalam sesuatu aktiviti kreativiti dapat dimaksimumkan. Jumlah waktu yang bersesuaian untuk pembelajaran kreativiti bergantung kepada dua faktor. Pertama, waktu yang diperuntukkan kepada guru untuk

menjalankan aktiviti pengajaran mata pelajaran tersebut. Faktor ini amat bergantung kepada kawalan pihak sekolah khususnya guru. Perkara ini dinyatakan oleh Cikgu Gee seperti berikut:

“Kalau kita nak buat aktiviti masa yang lebih daripada satu jam, kita kena fikir balik macam mana nak buat. Mungkin saya akan sediakan bahan yang sudah siap, contohnya sticker yang sudah siap digunting, gam yang saya dah letak dalam bekas, jadi mudalah sikit kanak-kanak nak buat, jadi masa tu pun boleh dipendekkan. Kalau satu jam aktiviti yang rumit-rumit, yang banyak menggunakan bahan-bahan, kita kena sediakan bahan lebih awal, jadi bila kita mulakan tu, bahan-bahan dah sedia cuma aktiviti budaklah untuk menyiapkannya.”

Faktor kedua adalah waktu yang digunakan oleh kanak-kanak untuk aktiviti pembelajaran. Kreativiti kanak-kanak dapat ditingkatkan jika mereka diberikan masa yang secukupnya dalam menjalankan sesuatu aktiviti (Ariffin & Baki, 2014). Faktor ini bergantung kepada pengajaran berkualiti guru, motivasi kanak-kanak dan waktu pengajaran yang diperuntukkan kepada guru. Petikan temu bual berikut menjelaskan perkara ini:

“... kalau sekelas buat model rasanya tak cukup satu jam, sebab banyak menggunakan pergerakan motor halus, menggunting, menampal, menggunakan gam dengan sendiri, kita kena pantau semua, kalau aktiviti model secara kelas memang tak cukup satu jam.”

Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Amirafiza Zaitun et al. (2016) yang mendapati bahawa waktu yang diperuntukkan oleh guru mengajar dan waktu pembelajaran pelajar mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru prasekolah.

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Implikasi yang wujud daripada kajian ini adalah:

- a) Pemupukan kreativiti memerlukan guru prasekolah lebih mendekati, memahami masalah, dan keperluan kanak-kanak yang berbeza-beza. Dalam konteks ini, guru perlu memastikan rancangan aktiviti PdP bersesuaian mengikut minat dan tahap keupayaan kanak-kanak, mengambil kira perbezaan individu, memberikan insentif yang bersesuaian dan tidak membuat perbandingan yang keterlaluan.
- b) Aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan personaliti guru prasekolah wajar diberi perhatian sewajarnya dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah. Aspek-aspek ini perlu seiring dan dikuasai dalam menentukan kompetensi seseorang guru prasekolah.
- c) Perkembangan kreativiti kanak-kanak akan terjejas sekiranya guru prasekolah tidak atau kurang kompeten dalam amalan pengajaran.
- d) Waktu PdP yang diperuntukkan selama satu jam menyukarkan guru untuk memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai.
- e) Aspirasi negara untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif serta mampu bersaing di peringkat global sukar untuk direalisasikan sekiranya guru-guru prasekolah tidak memiliki kompetensi yang diperlukan.

Bagi mengatasi implikasi yang mungkin timbul dan meningkatkan kreativiti kanak-kanak melalui amalan pengajaran guru prasekolah, maka cadangan berikut perlu dipertimbangkan:

- a) Pihak pentadbir di tadika harus sentiasa memberi sokongan dengan menggalakkan persekitaran yang kondusif dan memberi autonomi untuk guru-guru mengamalkan pengajaran kreatif. Persekitaran yang kondusif dan pengajaran kreatif guru akan dapat menggalakkan perkembangan kreativiti kanak-kanak.
- b) Memperuntukkan waktu yang lebih panjang untuk memberikan masa yang cukup kepada guru untuk mengajar dan kanak-kanak untuk belajar.
- c) Guru perlu sentiasa meningkatkan profesionalisme diri dalam bidang kreativiti dan pengajaran kreatif melalui pembelajaran sendiri atau menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau swasta. Kemahiran kreatif tidak semestinya diperolehi secara semula jadi tetapi boleh dipupuk dari semasa ke semasa. Pentadbir sekolah perlu memantau keperluan latihan yang dapat memantapkan kemahiran guru dalam pengajaran kreatif.

- d) KPM perlu lebih proaktif dalam memberikan latihan pembangunan profesionalisme dalam usaha meningkatkan pengajaran kreatif guru-guru prasekolah. Kursus berkaitan pengajaran kreatif perlu diperbanyak.
- e) Latihan pengajaran kreatif lebih berkesan sekiranya diberi seawal guru tersebut berada dalam program persediaan latihan perguruan di institusi yang menawarkan program pendidikan awal kanak-kanak seperti universiti dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Pendedahan awal akan memudahkan guru-guru lebih bersedia untuk melaksanakan pengajaran kreatif sebaik sahaja bergelar guru permulaan.
- f) Sebuah modul latihan pengajaran kreatif yang khusus untuk guru prasekolah perlu dibina dan diuji keberkesanannya secara ilmiah. Tujuannya adalah untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan modul latihan tersebut. Modul latihan tersebut boleh digunakan untuk melatih guru-guru pelatih dan guru-guru prasekolah secara berkesan kerana telah diuji keberkesanannya.

6.0 RUMUSAN

Salah satu aspek utama yang diberi penekanan dalam pendidikan prasekolah seperti yang termaktub dalam KSPK ialah perkembangan kreativiti kanak-kanak. Guru sebagai pelaksana KSPK memainkan peranan penting dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Terdapat empat faktor yang telah dikenal pasti menyumbang kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah melalui amalan pengajaran guru. Pertama, kreativiti kanak-kanak dapat dipupuk melalui amalan pengajaran yang berkualiti seperti penyediaan rancangan pengajaran yang baik, penggunaan set induksi, kepelbagaian kaedah pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan penilaian pengajaran. Kedua, dari segi aras pengajaran, kreativiti kanak-kanak dapat dipupuk dengan menyesuaikan kualiti dan kuantiti pembelajaran mengikut tahap keupayaan kanak-kanak. Ketiga, insentif seperti pujian dan pemberian hadiah yang diamalkan oleh guru dapat merangsang perkembangan kreativiti kanak-kanak. Keempat, pemupukan kreativiti kanak-kanak bergantung kepada peruntukan waktu iaitu waktu pengajaran yang diperuntukkan kepada guru dan waktu pembelajaran kanak-kanak. Keempat-empat faktor ini perlu diberikan perhatian dalam usaha menambah baik amalan pengajaran guru ke arah mengembangkan kreativiti kanak-kanak. Penemuan dalam kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan penyelidikan akan datang terutamanya dalam melihat elemen-elemen amalan pengajaran guru yang memupuk kreativiti kanak-kanak. Pada masa yang sama, penemuan kajian ini juga memperluas skop penyelidikan berkaitan tingkah laku pemupukan kreativiti guru prasekolah.

Kajian yang telah dijalankan ini hanya melibatkan seorang guru prasekolah yang berkhidmat di sebuah tadika Islam di Terengganu sebagai sampel kajian. Penyelidikan selanjutnya dicadangkan untuk dilaksanakan di tadika-tadika lain seperti tadika KEMAS dan swasta dengan melibatkan sampel kajian yang lebih besar bagi melihat sama ada dapatan kajian menunjukkan persamaan atau sebaliknya. Selain itu, penyelidikan pada masa akan datang boleh menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor dalam amalan pengajaran guru prasekolah yang menjadi peramal kepada kreativiti kanak-kanak.

7.0 RUJUKAN

- Aini Hassan (2016). Pelbagai kaedah pengutipan data dan penganalisan data pengetahuan guru. Dlm. Marohaini Mohd Yusoff (Editor), *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian* (pp. 253-304). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Thani, T. J. (2010). Investigating teachers' practices of creative thinking skills in Qatari preschools. *The International Journal of Learning*, 17(5).
- Amirafiza Zaitun Mohd Jackie, Muhammad Faizal A. Ghani, & Faisal Elham (2016). Keberkesanan pengajaran guru tadika: Satu kajian awal. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 72-95.
- Ariffin, A., & Baki, R. (2014). Exploring beliefs and practices among teachers to elevate creativity level of preschool children. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(22), 457-463.
- Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan A. Malek (2017). Kaedah penyelidikan dalam pendidikan. *Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Azli Ariffin & Abu Bakar Yusof (2013). *Pembinaan modul pedagogi MK2K berasaskan muzik untuk kurikulum prasekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

- Beghetto, R. A., & Kaufman, J. C. (2011). Teaching for creativity with disciplined improvisation. In R. K. Sawyer (ed.), *Structure and improvisation in creative teaching* (pp. 94-109). New York, NY: Cambridge University Press.
- Bierman, K.L., Domitrovich, C., & Darling, H. (2009). Early prevention initiatives. In J. Roopnarine & J. Johnson (Eds.), *Approaches to early childhood education* (5th ed.) (p. 147-164). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education.
- Chávez-Eakle, R. A., Eakle, A. J., & Cruz-Fuentes, C. (2012). The multiple relations between creativity and personality. *Creativity Research Journal*, 24(1), 76-82.
- Chien, C. Y., & Hui, A. N. (2010). Creativity in early childhood education: Teachers' perceptions in three Chinese societies. *Thinking Skills and Creativity*, 5(2), 49-60.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cropley, A. J. (1997). Creativity and cognition: Producing effective novelty. *Roeper Review*, 21, 253-263.
- Cropley, A. J. (2001). *Creativity in education and learning: A guide for teachers and educators*. London: Psychology Press.
- Dababneh, K., Ihmeideh, F. M., & Al-Omari, A. A. (2010). Promoting kindergarten children's creativity in the classroom environment in Jordan. *Early Child Development and Care*, 180(9), 1165-1184.
- Davies, D., Jindal-Snape, D., Digby, R., Howe, A., Collier, C., & Hay, P. (2014). The roles and development needs of teachers to promote creativity: A systematic review of literature. *Teaching and Teacher Education*, 41, 34-41.
- Davis, G. A., & Rimm, S. (2004). *Education of the gifted and talented* (5th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- de Souza Fleith, D. (2000). Teacher and student perceptions of creativity in the classroom environment. *Roeper Review*, 22(3), 148-153.
- Jingbo, L. & Elicker, J. (2005). Teacher-child interaction in Chinese kindergartens: an observational analysis. *International Journal of Early Years Education*, 13(2), 129-143.
- Jones, K. (2009). *Culture and creative learning: A literature review*. Newcastle: CCE.
- Kaufman, J. C. & Sternberg, R. J. (2007). Creativity. *Change: The Magazine of Higher Learning*, 39(4), 55-60.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Buku panduan kreativiti: Pembangunan dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lacey, A., & Luff, D. (2012). *Trent focus for research and development in primary health care: An introduction to qualitative analysis*. CA: Trent Focus Group.
- Legard, R., Keegan, J. & Ward, K. (2003). In-depth interviews. In J. Ritchie & J. Lewis (Eds.), *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers* (hlm. 138-169). London: SAGE Publications Ltd.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Lou, S. & Chen, N. (2012). Using blended creative teaching: Improving a teacher education course on designing materials for young children. *Australasian Journal of Educational Technology*, 28(5), 776-792.
- Marohaini Yusoff (2016). Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif. Dlm. Marohaini Mohd Yusoff (Editor), *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian* (pp. 35-60). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Myint, S. K., Lourdusamy, A., Quek, C. L., & Angela, F. L. (Eds.). (2005). *Classroom management: Facilitating teaching and learning*. Singapore: Pearson Education South Asia Pte Ltd.
- Nor Fauzian Kassim & Fauziah Hanim Abdul Jalal (2015). *Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan modul pendidikan akhlak: Isu dan cabaran masa kini*. Kertas Seminar Penyelidikan Kebangsaan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2012). *Murid dan alam belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norsita Ali & Zainal Madon (2014). Tinjauan awal interaksi guru – kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research (ICSSR) 2014*, Sabah, 9-10 Jun 2014.

- Norsita Ali, Zainal Madon, & Hanifah Mahat (2015). Kreativiti kanak-kanak prasekolah di empat buah kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia di negeri Selangor dan hubungannya dengan amalan pengajaran guru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 4(1), 50-63.
- Othman Lebar (2014). Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pandit, N., & Neogi, S. (2016). A study on the impact of pre-school factors on creativity of young children. *International Journal of Home Science*, 2(2), 94-96.
- Puvunesvary, M. (2008). Chapter 2 Interviews. In M. Puvunesvary, Radziah Abdul Rahim, R. Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhillah Mat Nayan, & Noor Hashima Abd Aziz (Eds.), *Qualitative research: Data collection & data analysis techniques* (pp. 19-43). Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Rasid Mail & Raman Noordin (2016). Penyelidikan peringkat sarjana: Pendekatan kualitatif sebagai alternatif. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Rosmah Abd. Ghani & Mariani Md Nor (2014). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh guru prasekolah. *Jurnal Peradaban*, 7, 40-68.
- Ritchie, J., Spencer, L. & O'Connor, W. (2003). Carrying out qualitative analysis. In J. Ritchie & J. Lewis (Ed.), *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers* (hlm. 219-262). London: SAGE Publications Ltd.
- Robson, C. (2011). *Real world research: A resource for users of social research methods in applied settings* (3rd Ed.). West Sussex: John Wiley & Sons.
- Suseela Malakolunthu (2016). Pengumpulan dan analisis data kualitatif: Satu imbasan. Dlm. Marohaini Mohd Yusoff (Editor), *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian* (pp. 121-153). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. In R. Slavin, (Ed.), *School and classroom organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Soh, K. C. (2000). Indexing creativity fostering teacher behavior: A preliminary validation study. *Journal of Creative Behavior*, 34(2), 118-134.
- Soh, K. C. (2015). Creativity fostering teacher behaviour around the world: Annotations of studies using the CFTIndex. *Cogent Education*, 2, 1-18.
- Van Hook, C. W., & Tegano, D. W. (2002). The relationship between creativity and conformity among preschool children. *The Journal of Creative Behavior*, 36(1), 1-16.
- Yin, R. K. (2003). *Case study research, design and methods* (3rd ed.). Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Zabelina, D. L. & Robinson, M.D. (2010). Child's play: Facilitating the originality of creative output by a priming manipulation. *Psychology of Aesthetics*, 4(1), 57-65.
- Zaharah Osman (2016). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5, 49-60.